



SOALAN LAZIM

KENAIKKAN NILAI AMBANG SEMASA KEBERHUTANGAN (‘INDEBTEDNESS’) DARI RM10,000 KE RM50,000 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimanakah kenaikan nilai ambang semasa keberhutangan (<i>indebtedness</i>) dari RM10,000 ke RM50,000 sehingga 31 Disember 2020 dapat membantu syarikat yang terkesan akibat pandemic COVID-19?	<p>Seksyen 466 Akta Syarikat 2016 memperuntukkan bahawa syarikat boleh diambil tindakan penggulungan sekiranya gagal menjawab notis tuntutan dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis tersebut diterima di mana nilai ambang keterhutangan yang ditentukan dalam konteks tuntutan hutang adalah RM10,000.</p> <p>Untuk membantu syarikat yang terkesan akibat pandemic COVID-19 di mana aliran tunai adalah terhad untuk membayar hutang syarikat, kenaikan nilai ambang kepada RM50,000 dan pemanjangan tempoh masa untuk menjawab notis tuntutan kepada enam (6) bulan dijangka dapat membantu syarikat untuk mengatur serta memperkukuhkan kedudukan aliran kewangan syarikat dalam tempoh enam (6) bulan tersebut dan dapat mengelak daripada diambil tindakan penggulungan di Mahkamah.</p>
2.	Berdasarkan kepada jumlah hutang yang gagal dibayar, adakah tindakan penggulungan syarikat boleh diambil terhadap syarikat yang gagal?	Pemiutang hanya boleh mengambil tindakan untuk menggulungan syarikat di Mahkamah atas alasan syarikat gagal membayar hutang hanya sekiranya jumlah keberhutangan adalah melebihi RM50,000 dan jangkamasa enam (6) bulan telah berlalu dari tarikh pemiutang menghantar notis tuntutan kepada syarikat.

3.	Dengan kenaikan nilai ambang dan pemanjangan tempoh masa untuk menjawab notis tuntutan, berapakah jumlah syarikat yang dijangka mendapat manfaat daripada cadangan ini?	Berdasarkan kepada statistik penggulungan syarikat tahun 2019 di mana sebanyak 2,930 buah syarikat telah digulung, SSM menjangkakan bahawa sebanyak 1,500 syarikat akan mendapat manfaat daripada cadangan ini dalam tempoh enam (6) bulan yang dicadangkan.